

Dua keluarga terperangkap, banjir kilat di Port Dickson



Rumah Mohd Adirus di Springhill dinaiki air hingga paras lutut, semalam.

PORT DIKSON - Dua keluarga terperangkap dalam rumah kerana arus deras akibat banjir kilat di Kampung Sendayan dan Bandar Springhill setelah hujan lebat lebih tiga jam, semalam.

Dalam kejadian lebih kurang jam 4 petang itu turut menyebabkan banyak jalan lama dari Mambau ke Lukut ditutup.

Air yang naik setinggi satu meter itu juga telah menyebabkan kenderaan ringan tidak dapat melalui kawasan tersebut, sehingga mencetuskan panik dalam kalangan pengguna jalan raya, yang terpaksa berdepan dengan kesesakan sejauh lima kilometer.

Menurut Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson, Ahmad Izam Malek, pihaknya terima panggilan pada jam 4.30 petang

dan sebuah jentera dikejarkan ke lokasi.

"Maklumat awal kita dapati ada seorang mangsa yang terperangkap akibat paras air naik mendadak.

"Hasil pemeriksaan lanjut kita dapati ada dua rumah yang dinaiki air tetapi penghuninya enggan pindah berikutan air semakin surut.

"Walau bagaimanapun, kita akan sentiasa pantau kawasan ini," katanya.

Sementara itu, penduduk Mohd Adirus Khamis, 60, ketika dihubungi memaklumkan bahawa sebahagian dapur dan ruang tamu rumahnya turut dinaiki air.

Katanya, beberapa peralatan seperti almari dapur dan peti ais ditenggelami air yang melebihi paras lutut.